

# Dua sekawan ceroboh rumah untuk mencuri kena tiga bulan

## Pengadu pulang ke rumah, suspek cabut lari tinggalkan motosikal

Oleh Hafizah Abdul Hamid

**KUCHING:** Pada penceroboh rumah orang lain dengan niat untuk mencuri, dua sekawan masing-masing dijatuhi hukuman penjara tiga bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, kelmarin.

Mohammad Syafiq Raba'ee, 28, dan Muhammad Aziz Zakaria, 29, mengaku bersalah di hadapan Majistret Ling Hui Chuan sebaik didakwa mengikut Seksyen 447 Kanun Keseksamaan dibaca bersama Seksyen 34 Akta sama.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga enam bulan atau denda sehingga RM3,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, dua sekawan terbabit didakwa menceroboh masuk ke kawasan rumah milik se-



**MENGAKU BERSALAH:** Dua sekawan terbabit diiringi anggota polis di Mahkamah Majistret Kuching, semalam.

orang lelaki berusia 64 tahun (pengadu) di Jalan Kapor, Regent Park di sini sekitar jam 11.30 malam pada 14 Februari 2026, dengan niat untuk melakukan jenayah.

Fakta kes mendedahkan pengadu bersama anak sau-

daranya tiba di rumah tersebut pada hari kejadian untuk melakukan pemeriksaan sebelum terlihat sebuah motosikal diletakkan di belakang pintu pagar rumah.

Pengadu turut mendapati pintu pagar rumah telah di-

umpil.

Sehubungan itu, pengadu segera masuk ke dalam rumah dan melihat dua sekawan tersebut melarikan diri melalui tingkap.

Dua sekawan itu juga tidak sempat membawa lari barang yang hendak dicuri, malah mereka telah meninggalkan motosikal yang dinaiki mereka di rumah pengadu.

Turut ditinggalkan oleh dua sekawan tersebut di tempat kejadian adalah sebuah parang dan beberapa peralatan seperti spanar.

Susulan itu, laporan polis dibuat dan berdasarkan petunjuk iaitu motosikal yang ditinggalkan, polis kemudiannya berjaya menangkap kedua-dua tertuduh.

Dua sekawan tersebut tidak diwakili peguam, sementara pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani.